



Pelajar UPM raih tempat kedua pertandingan Esei Accenture Asia Pacific Oil & Gas




KUALA LUMPUR – Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Saw Ting Yik mendapat tempat kedua dalam pertandingan 2012 Accenture Asia Pacific Oil & Gas Forum Essay Competition baru-baru ini.

Esei pelajar Bachelor Sains Kejuruteraan Kimia yang bertajuk, Future Trend Overview & Value Chain Analysis telah meraih wang tunai sebanyak RM1,000 menjelaskan mengenai isu masa depan landskap tenaga yang tidak menentu akan mengakibatkan isi bumi mengalami kerosakan serius.

“Saya percaya tenaga biofuel dan solar mampu menampung masalah ini kerana sumber itu boleh diperbaharui. Saya berharap jasa baik kerajaan untuk memberi sokongan dan galakan kepada industri ini,” katanya.

Tujuan utama pertandingan yang bertemankan Energy in Malaysia. What's next? itu ialah untuk mendapatkan penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi masalah sumber semulajadi di Malaysia yang dipercayai semakin berkurangan pada era ini.

Pemenang utama dalam pertandingan eseai itu dimenangi oleh pelajar Master Sains (Kimia), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Darryl Tan Jie Wei yang meraih wang tunai sebanyak RM3,000.



Pelajar UPM juga berkongsi tempat kedua dengan pelajar Master Kejuruteraan Mekanikal (Renewable Energy), Universiti Sains Malaysia (USM), Vigren Radha.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia